



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### PERSIDANGAN I-NATION GLOBAL 2024: PLATFORM UTAMA KERJASAMA & INOVASI

---

**KUALA LUMPUR, Malaysia: 29 November 2024** – Bermula 2 hingga 4 Disember 2024 ini, Persidangan I-Nation di Connexion Conference & Event Centre (CCEC), Bangsar South, Kuala Lumpur, akan menjadi pusat pertembungan idea-idea inovatif dan perbincangan yang berimpak tinggi serta peluang untuk bertemu dengan tokoh inovasi terkenal dunia.

**Persidangan I-Nation Global Summit 2024**, anjuran **Malaysian Research for Technology and Innovation (MRANTI)** agensi di bawah **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**, kembali untuk edisi ketiga, menjanjikan impak yang besar kepada ekosistem teknologi dan inovasi Malaysia.

Dengan tema “***Collaborate. Innovate. Elevate: Advancing Impactful Innovation Together***,” persidangan ini akan menyatukan pembuat dasar, pemimpin industri, dan pakar teknologi. Persidangan ini akan menghimpunkan seramai 53 penceramah terkemuka, termasuk 15 pemimpin pemikiran antarabangsa, yang akan membincangkan topik antaranya ialah **keterjaminan makanan, perubahan iklim, kecerdasan buatan, dan ekosistem digital**.

**Acara khas/utama yang menanti peserta:**

**1. Ucaptama Khas:**

- i. **Prof. Dr. Jomo Kwame Sundaram, Penasihat Penyelidikan di Institut Penyelidikan Khazanah**, akan membincangkan pendekatan menyeluruh kerajaan dalam menangani isu keterjaminan makanan, malnutrisi, dan kesihatan awam.

- ii. **Tan Sri Tony Fernandes, Ketua Pegawai Eksekutif Capital A Berhad**, akan berkongsi perjalanan transformasi AirAsia daripada syarikat penerbangan kepada hab digital dan logistik.

## 2. Perbincangan dan Sesi Dialog:

- i. **En. Khairy Jamaluddin, bekas Menteri Sains, Teknologi & Inovasi**, akan membincangkan usaha Malaysia dalam memajukan pertanian mampan dan sistem makanan yang kukuh.
- ii. **YB Yeo Bee Yin, Ahli Parlimen**, akan menyertai panel mengenai penggunaan teknologi untuk menangani perubahan iklim.
- iii. **Pn. Aireen Omar, Presiden (Pelaburan & Usaha Niaga) Capital A**, akan membincangkan masa depan pasaran pekerjaan dengan keterhadiran AI dan automasi.
- iv. **Dr. Govinda Rajulu Chintala, bekas Pengerusi NABARD**, akan berkongsi pandangan mengenai inovasi agroteknologi dan intervensi dasar untuk keterjaminan makanan yang berdaya tahan.

## Perspektif Antarabangsa:

- i. **Dinis Guarda, Ketua Pegawai Eksekutif Ztudium**, akan membincangkan bagaimana kecerdasan buatan dan automasi bakal mentransformasikan pasaran kerja global, serta strategi pembangunan tenaga kerja dan program latihan semula.
- ii. **Sasan Shaba, Naib Presiden Persatuan Inkubator & Sweden Science Park**, akan menekankan peranan taman sains dalam memupuk syarikat untuk meningkatkan inovasi.
- iii. **Jack Melcher-Claesson dari Epicenter Sweden**, akan membincangkan cara merapatkan jurang antara inovasi dan keusahawanan dalam ekosistem global masa kini.

Selain itu, persidangan tahun ini akan membincangkan topik-topik penting seperti kelestarian melalui sidang meja bulat ***Force for Good***. Sesi tertutup ini akan memberi tumpuan kepada penerapan inovasi dari makmal ke teknologi pertanian yang boleh dikembangkan untuk kelestarian.

Peserta berpeluang untuk meneroka dan mendapatkan pendedahan mengenai pengoperasian “sandbox” yang bermatlamat untuk mempercepat penyelesaian dan pengkomersialan teknologi melalui ***NTIS Global Sandbox Forum***. Sesi ini juga akan mengetengahkan pelbagai rangka kerja pelaksanaan sandbox serta kisah-kisah kejayaan Sandbox dari negara-negara lain oleh ahli-ahli panel antarabangsa dari Korea Selatan, Switzerland, dan Indonesia.

Sebagai penutup, program ***HealthTech Innovation Connect*** akan membincangkan isu-isu hangat iaitu bagaimana teknologi kesihatan terkini merevolusikan landskap perubatan.

## **Daftar Sekarang!**

Tatkala Malaysia bersiap sedia untuk mempengerusikan ASEAN pada 2025, I-Nation Global Summit 2024 berfungsi sebagai penggerak penting kepada agenda inovasi serantau. Topik seperti penemuan ubat berdasarkan AI, sinergi manusia-mesin dalam perniagaan, dan teknologi 4IR dalam penjagaan kesihatan selari dengan aspirasi Malaysia untuk memimpin dalam pembangunan mampan dan inovasi teknologi.

Jom Daftar di I-Nation Global 2024 melalui [mranti.my/i-nation](http://mranti.my/i-nation), untuk sertai dan bersama membentuk masa depan Negara kita!

**#TAMAT#**

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**29 NOVEMBER 2024**

## **BERKENAAN MALAYSIAN RESEARCH ACCELERATOR FOR TECHNOLOGY & INNOVATION(MRANTI)**

Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) adalah gabungan Technology Park Malaysia (TPM) Corporation Sdn Bhd dan Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC), dicetuskan sebagai agensi pusat pengkomersialan penyelidikan Malaysia yang memudahcara dan mempercepatkan pembangunan inovasi teknologi daripada idea ke impak.

MRANTI berfungsi sebagai penyambung, inkubator dan pemangkin bagi membolehkan pengkomersialan dan perkembangan idea peringkat awal hingga ke tahap entiti matang. Ia juga menawarkan capaian kepada para pendukung inovasi dan pemain industri kepada infrastruktur bersepadu bertaraf dunia, program, perkhidmatan, kerjasama dan pelbagai sumber sokongan. MRANTI mensasarkan untuk meningkatkan saluran bekalan inovasi Malaysia, dan menghasilkan nilai R&D baharu dengan memastikan peralihan yang berkesan dalam kitaran hayat pengkomersialan. Ia juga akan menghubungkan ahli akademia dengan industri serta sektor awam untuk menyelaraskan usaha R&D yang dipacu pasaran untuk hasil berteraskan misi.

Beribupejabat di MRANTI Park, MRANTI merangkumi sebuah hab inovasi 4IR seluas 686 ekar di Kuala Lumpur, menyokong pertumbuhan kluster pembuatan pintar, bioteknologi, agritek, bandar pintar, teknologi hijau dan kluster teknologi pembolehan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://mranti.my>

### **Media Enquiries:**

#### **MRANTI Strategic Communication**

Name: Adit Rahim

Email: [adit@mranti.my](mailto:adit@mranti.my)

Contact No: +6013-6666667

Name: Farhana Syed

Email: [farhanasyed@mranti.my](mailto:farhanasyed@mranti.my)

Contact No: +6019-2220292